

05/12/1998

Usah layan kerenah asing

Jamhariah Jaafar; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat Malaysia diminta supaya tidak melayan kerenah rakyat asing yang membuat kenyataan tidak betul, terutama mengenai kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Onn, berkata tidak ada gunanya rakyat Malaysia melayan kerenah golongan itu kerana ia hanya akan merendahkan martabat rakyat negara ini yang bersusah payah meletakkan Malaysia pada taraf yang sama dengan negara membangun lain.

Berikutan itu, katanya, kritikan terbaru mengenai negara ini yang dibuat oleh George Soros tidak menghairankan kerana ternyata pedagang mata wang itu mempunyai dendam dan agenda sendiri apabila mendesak Dr Mahathir meletak jawatan.

Beliau berkata, adalah tidak betul bagi Soros membangkitkan isu ini di Universiti John Hopkins di Washington kerana itu bukan pentas terbaik untuk mengkritik Malaysia.

"Jika ingin membuat kenyataan seperti itu, ajak dia datang ke sini dan tengok dengan mata kepala sendiri mengenai keadaan di Malaysia.

"Pada pendapat saya, Soros dan Al-Gore (Naib Presiden Amerika Syarikat) adalah antara segelintir rakyat Amerika yang tidak faham apa yang sebenarnya berlaku, tetapi bertindak seperti orang tahu.

"Oleh itu, saya tidak nampak mengapa kita mesti melayan 'makhluk' seperti ini dan meletakkan tahap kita sama seperti mereka," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Soros hari ini yang mendesak Dr Mahathir disingkirkan, manakala bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pula dibebaskan daripada tahanan penjara.

Dengan nada yang rakus, Soros dilaporkan berkata rakyat Malaysia harus menyingkirkan Dr Mahathir kerana dasar-dasarnya hanya bertujuan memastikannya terus berkuasa serta menguntungkan sekutu politiknya.

Hishamuddin berkata, desakan Soros supaya Perdana Menteri meletak jawatan mudah difahami kerana dia adalah antara orang yang paling marah apabila didedahkan dengan kegiatan spekulasi dan manipulasi mata wang, sehingga Malaysia memperkenalkan sistem kawalan mata wang sendiri.

"Orang yang paling teruk menderita ialah Soros, kerana itu adalah tidak mustahil bagi orang seperti ini menimbulkan kenyataan dan desakan seperti yang dilakukan," katanya.

Beliau turut membidas Soros kerana sering melaung-laungkan mengenai demokrasi terutama bagi negara bekas komunis seperti Russia, tetapi pada yang sama tidak menghormati sistem demokrasi negara lain.

Menurutnya, Soros tidak sepatutnya menyentuh mengenai sistem demokrasi negara ini kerana Perdana Menteri Malaysia dilantik melalui sistem demokrasi yang menjadi amalan negara ini.

"Jadi mereka hanya menjejaskan kredibiliti sendiri apabila membuat kenyataan yang bersikap 'double standard' dan hipokrit," tegasnya.

Beliau turut meminta rakyat negara ini supaya tidak menganggap kenyataan daripada orang seperti Soros dan Al-Gore sebagai pernyataan seluruh rakyat Amerika kerana tidak semua rakyat negara itu bersetuju dengan pendapat kumpulan terbabit.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, turut membidas Soros dengan menegaskan kenyataan yang dibuat membuktikan keangkuhan pedagang mata wang antarabangsa itu.

Tegasnya, Malaysia adalah sebuah negara membangun dan rakyat negara ini

memilih sendiri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Dr Mahathir sudah memenuhi kepercayaan rakyat melalui segala tindak tanduknya.

"Beliau juga telah mengangkat martabat negara ini langkah demi langkah, sehingga Malaysia mencapai kedudukannya sekarang. Kita juga menjadi contoh kepada negara-negara sedang membangun.

"Jadi nasihat saya kepada Soros ialah mind your own business," tegasnya.

Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (UM), Prof Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata kenyataan Soros jelas ingin mencampuri urusan dalaman negara ini.

"Soros seperti beberapa pemimpin Amerika Syarikat lain, yang mahu kita tunduk kepada mereka. Negara ini mempunyai undang-undang sendiri. Saya percaya kita ada kedaulatan dan masalah kita, kita boleh selesaikan sendiri.

"Rakyat Malaysia tertakluk kepada undang-undang negara ini. Orang luar pun yang melakukan kesalahan di sini tertakluk kepada undang-undang negara ini, begitu juga sebaliknya," katanya.

Mahadzir berkata, soal Anwar adalah isu mahkamah yang mana pertuduhan sudah dibuat dan beliau sepatutnya diberi peluang membela diri di mahkamah.

Menurutnya, Soros tidak sepatutnya mencampuradukkan soal mahkamah, politik dan ekonomi.

"Dalam soal, ini kita mesti tahu membezakan masalah mahkamah dan politik. Soal undang-undang tidak boleh dijawab dengan politik. Begitu juga soal politik tidak boleh dijawab dengan undang-undang," katanya.

(END)